

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM**  
**[PENDANG]**

**SOALAN NO. 212**

**Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) adakah geran perkapita yang diperuntukkan kepada semua negeri diberi berdasarkan jumlah penduduk sesebuah negeri; dan
- (b) statistik peruntukan geran perkapita mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemberian Mengikut Kepala (*Capitation Grant*) adalah berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a) dan Bahagian I, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini dikira berdasarkan Akta 622 yang berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2002 seperti berikut:

100,000 orang yang pertama	:RM72.00 seorang
500,000 orang berikutnya	:RM10.20 seorang
500,000 orang berikutnya	:RM10.80 seorang
Baki selebihnya	:RM11.40 seorang

Kementerian Kewangan akan mengguna pakai data bilangan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi pengiraan pemberian ini. Penyaluran pemberian akan dibuat 2 kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai.

Bagi tahun 2018, jumlah Pemberian Mengikut Kepala kepada semua Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM405.8 juta. Kerajaan Negeri Selangor merupakan penerima tertinggi Pemberian Mengikut Kepala iaitu berjumlah RM74.5 juta, diikuti dengan Sabah (RM47.6 juta), Johor (RM47.0 juta), Sarawak (RM36.3 juta), Perak (RM34.2 juta), Kedah (RM29.7 juta), Kelantan (RM25.7 juta), Pulau Pinang (RM24.7 juta), Pahang (RM24.6 juta), Terengganu (RM19.0 juta), Negeri Sembilan (RM18.2 juta), Melaka (RM15.6 juta), dan Perlis (RM8.7 juta).